



Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

# Laporan Tahunan 2017



**Veterinar Kompeten**  
Demi Kesejahteraan  
Manusia Sejagat

# Kandungan

# 2017

<b>PERANCANGAN</b>	9	<b>PEMBANGUNAN INDUSTRI HILIRAN</b>	51
Laporan Peruntukan Pembangunan	11	Industri Asas Ternakan	52
Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam Antarabangsa	15	Pembangunan dan Pengurusan Abattoir	58
Teknologi Maklumat	17		
	20	<b>DIAGNOSTIK DAN KEPASTIAN KUALITI</b>	61
<b>PENGURUSAN BIOSEKURITI DAN SPS</b>	22	Pembangunan Sistem Kualiti	62
Epidemiologi dan Survelan	23	Audit dan Pensijilan	63
Pemeriksaan Veterinar	28		
Pemeriksaan Kuarantin dan Import Eksport	30	<b>LATIHAN DAN PEMBANGUNAN KERJAYA</b>	71
		Pembangunan Kompetensi	72
<b>KOMODITI TERNAKAN</b>	33	Pengurusan Latihan	85
Ruminan	34		
Unggas	34	<b>PENYELIDIKAN DAN INOVASI</b>	93
Babi	36		
Aneka Haiwan	37	<b>PENGUATKUASA</b>	96
		<b>KESUVET</b>	99
<b>PEMBANGUNAN SUMBER TEKNOLOGI TERNAKAN</b>	41	<b>PUSPANITA</b>	101
Pembangunan Sumber Genetik	43	<b>CORETAN PERISTIWA SEPANJANG 2017</b>	103
Teknologi Pembiakan dan Pembakaan	45		
Pemakanan Haiwan	48		
Institut Biodiversiti Veterinar kebangsaan (IBVK)	49		



# Pengurusan Tertinggi

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)



**DATO' DR. MUHAMMAD  
SAFARUDDIN BIN MD DAWAM**



**TIMBALAN KETUA PENGARAH**  
(Kesihatan Veterinar)

**DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN  
BIN HASSAN NIZAM**


**KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN VETERINAR**

**DATO' DR. ROSINI ALIAS**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH**  
(Pembangunan)



# Carta Organisasi



# Perutusan Ketua Pengarah

## Perkhidmatan Veterinar 2017



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Pertama sekali, marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah berjaya mengharungi tahun 2017 dengan penuh tanggungjawab dan jayanya. Syabas dan tahniah atas usaha menerbitkan buku Laporan Tahunan DVS 2017. Dengan adanya penerbitan ini, masyarakat akan mengenali DVS dengan lebih dekat malah dapat menilai kesungguhan serta kegigihan warga DVS dalam melaksanakan tugas. Buku Laporan Tahunan DVS ini merupakan perakam waktu yang merakamkan segala peristiwa dan perubahan penting yang dilalui oleh jabatan.

Buku ini diterbitkan setiap tahun bagi tatapan generasi yang akan datang. Setelah melihat peningkatan yang berlaku dalam jabatan ini, maka amatlah besar harapan saya sekiranya jabatan ini dapat menyerlahkan lagi perkhidmatan DVS mengikut keperluan dan kehendak rakyat, selaras dengan slogannya 'Tugas Kami Berbakti Kepada Anda' yang menggariskan perkhidmatan teras di dalam aspek kesihatan ternakan dan pembangunan komoditi ternakan serta beberapa perkhidmatan sokongan.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan meliputi aktiviti kawalan, pencegahan dan pembasmian penyakit haiwan; pembangunan industri ternakan; penyelidikan di

dalam bidang penyakit, pembiakan, pemakanan ternakan dan sosio-ekonomi penternak; perkhidmatan makmal dan kepastian kualiti untuk produk-produk berasaskan ternakan serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan veterinar. Selain itu, DVS juga menyediakan perkhidmatan konsultasi dan bimbingan kepada bakal-bakal pengusaha ternakan dan pengusaha yang telah pun berkecimpung di dalam bidang penternakan.

Sokongan yang padu terhadap segala aktiviti yang dijalankan telah memberi kesan baik terhadap prestasi jabatan ini. Saya berasa amat terharu dan bangga terhadap sokongan yang telah disumbangkan oleh semua warga DVS yang terlibat. Diharapkan sokongan ini akan berterusan sehingga jabatan ini dapat diperkasakan dan maju pada masa akan datang.

Saya selaku Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas segala sokongan dan galakan yang telah diberikan. Sekian, terima kasih.

**YBhg. Dato' Dr. Quaza Nizammuddin Bin Hassan Nizam**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar



## Visi

Pihak berkuasa veterinar yang kompeten berkhidmat untuk industri haiwan demi kesejahteraan manusia

---

## Misi

Menyediakan perkhidmatan veterinar yang berkualiti bagi menjamin kepentingan kesihatan awam dan industri haiwan yang mapan demi kesejahteraan manusia


# FUNGSI

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

**1** Mengawal, mencegah, dan menghapuskan penyakit haiwan dan zoonotik.



**2** Pengeluaran ternakan, hasil ternakan dan makanan haiwan.



**3** Pemeriksaan daging, susu, telur, makanan haiwan, rumah sembelih dan loji pemprosesan hasilan haiwan.



**4** Pengawasan import dan eksport ternakan dan hasil haiwan dan perkhidmatan kuarantin.



**5** Latihan bagi industri ternakan dan haiwan peliharaan.



**6** Pengembangan pengeluaran ternakan dan kesihatan haiwan serta kesihatan awam veterinar.



**7** Penyelidikan penyakit haiwan, dan sumber genetik haiwan.



**8** Mengawal kebajikan haiwan dan pemuliharaan bahan genetik haiwan.






"DVS juga menyediakan perkhidmatan konsultansi dan bimbingan kepada bakal-bakal pengusaha ternakan dan pengusaha yang telah pun berkecimpung di dalam bidang penternakan."



# Perancangan





## Laporan Peruntukan Pembangunan

1.1) Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Semenanjung pada tahun 2017:

Bil	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	BELANJA SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)
1	36,798,120	23,343,120.09	63.44
Bil	PERUNTUKAN DITERIMA (WARAN PERUNTUKAN DITERIMA) (RM)	BELANJA SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)
2	30,707,120	23,343,120.09	76.02

Nota:

- i) *Peruntukan Diluluskan ialah peruntukan yang diberi oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) yang melibatkan proses pemberian peruntukan asal dan penyerahan baki peruntukan yang tidak boleh belanja kepada UPE sehingga Julai 2017.*
- ii) *Peruntukan Diterima ialah jumlah waran peruntukan pembangunan yang diterima jabatan yang melibatkan proses penyerahan baki peruntukan yang tidak boleh belanja kepada UPE dan MOF sehingga Disember 2017.*

1.2) Pecahan pelaksanaan peruntukan kepada jenis projek seperti jadual di bawah:

Bil	JENIS PROJEK	NAMA PROJEK	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DITERIMA 2017 (RM)	PECAHAN PERATUS (%)
1	Projek naiktaraf infrastruktur dan kemudahan jabatan mencapai persijilan GVHP/VHM	i) Naik taraf Pusat Perkhidmatan Industri Tenuku (PPIT), ii) Naik taraf Abatoir Shah Alam Selangor iii) Naik taraf Stesen Kuarantin Haiwan (SKH) Padang Besar, Perlis	3	2,484,000	8.09%
2	Projek bantuan penternak	Pembangunan Taman Kawasan Penternakan Ruminan (TKPR)	1	2,746,120	8.94%
3	Projek kajian	Penyelidikan Peningkatan Pengeluaran Baka Kambing Dan Bebiri	1	250,000	0.81%
4	Projek ladang jabatan menghasilkan baka	Pembangunan Ladang lembu dan kambing	7	5,636,000	18.35%
5	Projek geran pepadanan/insentif <i>reimbursement</i> ternakan, peralatan ladang dan pernian beradas kepada syarikat komersial	i) <i>NKEA Agriculture: (EPP 5) Further Cattle Integration In Oil Palm</i> ii) <i>NKEA Agriculture: (EPP 13) Dairy Cluster</i>	2	15,930,000	51.88%
6	Projek perkhidmatan membantu industri hiliran: persijilan dan alat ujian kualiti	<i>NKEA Agriculture: (EPP 2) EBN Swiftlet Farming</i>	1	2,500,000	8.14%

7	Projek pemantapan sistem DVS	<i>Sistem Etraceability</i> Industri Ternakan DVS - Daya Jejak Ternakan Dan Kesihatan Ternakan	1	1,000,000	3.26%
8	Projek Kritikal – keselamatan bangunan, pekerja dan orang awam	Pembaikan Struktur Tanah, Tembok Penahan Dan Bangunan Makmal Veterinar Kawasan Johor Bahru, Johor	1	161,000	0.52%
<b>JUMLAH</b>			<b>17</b>	<b>30,707,120</b>	<b>100%</b>

## 2.0) KESIMPULAN

- 2.1) Pada tahun 2017, daripada peruntukan di terima sebanyak RM30,707,120; sebanyak RM22,587,120 (73.56%) adalah menurus kepada faedah golongan sasar penternak/pengusaha dan RM8,120,000 (26.44%) kepada naiktaraf kemudahan jabatan.
- 2.2) Projek Pembangunan yang diwujudkan adalah bagi menangani keperluan/isu dan memberi faedah seperti berikut :

Bil.	PERUNTUKAN KEPADA PROJEK DAN KEPERLUAN/ISU	SASARAN <i>OUTCOME</i> SEMASA/SELEPAS TAHUN 2020 DAN FAEDAH
1	<p>PROJEK PEMBANGUNAN TAMAN KAWASAN PENTERNAKAN RUMINAN (TKPR): MEMBINA 5 UNIT INFRASTRUKTUR KANDANG LEMBU TENUSU DI TKPR PROJEK PERTANIAN MODEN KLUANG JOHOR.</p> <p>Menangani isu kekurangan kawasan kesediaan makanan ternakan, kawasan penternakan dan kekangan modal infra ladang ternakan oleh penternak.</p>	<p>i) Pendapatan penternak lembu tenusu dan kambing RM5,000 sebulan.</p> <p>FAEDAH :</p> <p>i) Mewujudkan 5 orang penternak lembu tenusu berskala semi komersial.</p> <p>ii) Mewujudkan zon pengeluaran ruminan yang lebih tersusun, moden dan berkesinambungan di PPM.</p>
2	<p>NAIK TARAF KEPADA PUSAT PERKHIDMATAN INDUSTRI TENUSU (PPIT) DI TAPAH, MERLIMAU DAN KLUANG JOHOR KE TAHAP SIJIL GVHP.</p> <p>DVS Semenanjung belum mempunyai premis PPIT yang bertaraf GVHP.</p>	<p>i) Pendapatan usahawan produk susu meningkat kepada RM 4,000 sebulan.</p> <p>ii) Pusat Pengumpulan Industri Tenusu di Tapah, Merlimau dan Kluang mencapai tahap GVHP</p> <p>FAEDAH :</p> <p>i) Mewujudkan empat (4) orang usahawan produk susu (dadih dan lain-lain) dengan pendapatan RM4,000 sebulan/orang.</p> <p>ii) PPIT mendapat taraf GVHP dan produk hiliran susu mendapat taraf GMP.</p>
3	<p>PROJEK PEMBANGUNAN LADANG LEMBU.</p> <p>Prasarana jabatan dikukuhkan di ladang jabatan untuk menyokong penghasilan baka ternakan lembu yang berkualiti bagi agihan kepada penternak seluruh negara.</p>	<p>i) Kualiti ternakan penternak dan ladang jabatan meningkat dengan kadar kelahiran ternakan lembu Kedah-Kelantan 79%, lembu Brahman 60%.</p> <p>ii) Kualiti ternakan lembu tenusu penternak dan ladang jabatan meningkat 10.0 liter/ekor/hari.</p> <p>FAEDAH:</p> <p>Populasi dan kualiti ternakan lembu penternak dan ladang jabatan meningkat.</p>

<p>4</p>	<p>PROJEK PEMBANGUNAN LADANG KAMBING:</p> <p>Prasarana jabatan dikukuhkan di ladang jabatan untuk menyokong penghasilan baka ternakan kambing yang berkualiti bagi agihan kepada penternak seluruh negara.</p>	<p>BEBIRI</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kualiti ternakan penternak dan ladang jabatan meningkat dengan Peratus berat ADG (<i>Average Daily Gain</i>) pada umur matang meningkat 10% (53gm)</li> <li>ii) Ternakan yang memenuhi kualiti baka pada umur matang 2 tahun dengan berat 30kg.</li> </ul> <p>KAMBING</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kualiti ternakan penternak dan ladang jabatan meningkat dengan Peratus berat ADG (<i>Average Daily Gain</i>) pada umur matang meningkat 70gm.</li> <li>ii) Ternakan yang memenuhi kualiti baka pada umur matang 2 tahun dengan berat 35kg.</li> </ul> <p>FAEDAH:</p> <p>Populasi dan kualiti ternakan kambing penternak dan ladang jabatan meningkat.</p>
<p>5</p>	<p>PROJEK PEMBAIKAN STRUKTUR TANAH, TEMBOK PENAHAN DAN BANGUNAN MAKMAL VETERINAR KAWASAN JOHOR BAHRU, JOHOR TELAH MENGALAMI KEMEROSOTAN TANAH.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Rumah sembelih Shah Alam siap dinaiktaraf mencapai standard GVHP pada tahun 2020.</li> <li>ii) Karkas yang dikeluarkan memenuhi standard jaminan keselamatan makanan (petunjuk ujian <i>TPC count</i>).</li> </ul> <p>FAEDAH :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Orang awam dan penjual daging mendapat bekalan lembu sembelih yang selamat dan halal.</li> <li>ii) Negara Australia membenarkan pengeksportan lembu ke Malaysia</li> </ul>
<p>6</p>	<p>PROJEK PENYELIDIKAN PENINGKATAN PENGELUARAN BAKA KAMBING DAN BEBIRI.</p> <p>Memperbaiki kualiti kambing tempatan daripada segi pembiakan, ketahanan penyakit dan pertumbuhan berat badan rendah untuk saiz badan yang menguntungkan pada sesuatu tempoh pasaran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Peningkatan produktiviti dan pendapatan penternak kambing pedaging.</li> <li>ii) Kualiti ternakan penternak dan ladang jabatan meningkat dengan berat ADG (<i>Average Daily Gain</i>) pada umur matang 9 bulan: 30g/d.</li> </ul> <p>FAEDAH:</p> <p>Penternak dan ladang jabatan mempunyai baka kambing tempatan yang berkualiti dan meningkatkan pendapatan penternak.</p>
<p>7</p>	<p>Projek Pematapan Sistem <i>Etraceability</i> Industri Ternakan DVS - Daya Jejak Ternakan Dan Kesihatan Ternakan. Sistem maklumat haiwan yang bersepadu penting untuk mempertingkatkan <i>service delivery</i> jabatan ini sejajar dengan hasrat kerajaan dalam mempertingkatkan penggunaan ICT di sektor perkhidmatan awam.</p> <p>Data pendaftaran premis, pemantauan persijilan, produk hasil ternakan dan makanan ternakan dimantapkan dengan membangunkan sistem <i>Traceability</i>.</p>	<p><i>OUTCOME:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Maklumat yang tepat, sistematik dan real-time berdasarkan data yang di <i>input</i> dari lapangan.</li> </ul> <p>FAEDAH:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Data maklumat dan <i>traceability</i> yang tepat dan konsisten menyumbang kepada tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang cekap.</li> <li>ii) Membantu menjimatkan masa operasi dan kos penyelenggaraan jangka panjang.</li> </ul>

8	<p><b>PROJEK NKEA AGRICULTURE: (EPP 2) EBN SWIFTLET FARMING :</b></p> <p>Bantuan peralatan pemantauan dan ujian makmal kepada pemberian sijil GVHP dan mendapatkan sijil CNCA untuk eksport ke negara China bagi produk walit bernilai RM4.80 juta pada tahun 2017.</p> <p>Membangunkan status Malaysia sebagai pembekal yang diiktiraf dan menyelesaikan cabaran-cabaran utama dalam industri, menyasarkan untuk menguasai 30% daripada pasaran global menjelang 2020 dan meningkatkan pengeluaran sarang burung walit dari 250 tan metrik kepada 850 tan metrik.</p>	<p>KPI PEMANDU;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Jumlah eksport produk sarang burung walit sebanyak 770 metrik tan dari tahun 2016-2018.</li> <li>ii) Premis walit dapat di daftarkan sebanyak 7,000 unit</li> <li>iii) Sepuluh kajian jangka pendek dapat di hasilkan sepanjang 2019-2020</li> </ul> <p><i>OUTCOME:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Produk sarang burung walit dieksport ke 10 buah negara sebanyak 150 tan metrik/tahun.</li> </ul>
9	<p><b>PROJEK NKEA AGRICULTURE: (EPP 5) FURTHER CATTLE INTEGRATION IN OIL PALM :</b></p> <p>Pemberian geran pepadanan/insentif <i>reimbursement</i> ternakan, peralatan ladang dan peralatan kilang makanan ternakan dan pernian beradas kepada syarikat komersial.</p> <p>Menyasarkan peningkatan jumlah populasi Lembu di ladang Kelapa Sawit sebanyak 300,000 ekor Lembu menjelang tahun 2020.</p>	<p>KPI PEMANDU :</p> <p>Pencapaian sebenar populasi sebanyak 42,017 ekor.</p> <p><i>OUTCOME:</i></p> <p>Meningkatkan sebanyak 300,000 ribu populasi lembu dalam penternakan integrasi.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) EEP5 Ternakan lembu daging: <i>reimbursement</i> kepada 4 syarikat– Syarikat Ladang Rakyat Terengganu, FELCRA Bhd, Espek Livestock Sdn Bhd dan Ihsan Permata Sdn Bhd.</li> <li>ii) Perkhidmatan AI oleh syarikat Evergreen Sdn Bhd.</li> </ul>
10	<p><b>PROJEK NKEA AGRICULTURE: (EPP 13) DAIRY CLUSTER:</b></p> <p>Pemberian geran pepadanan/insentif <i>reimbursement</i> ternakan, peralatan ladang dan peralatan kilang susu kepada syarikat komersial.</p> <p>Industri tenusu negara berhadapan dengan cabaran bagi memastikan pengeluaran susu cair meningkatkan ke tahap sara diri sekurang-kurangnya 50% dan pada masa yang sama bersaing dengan produk susu daripada negara maju yang telah lama berada dipasaran antarabangsa.</p>	<p>KPI PEMANDU :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Jumlah pengeluaran susu segar (juta liter)</li> <li>ii) Pertambahan 5 syarikat peneraju.</li> <li>iii) Bantuan alat kelengkapan tenusu dan alat proses susu kepada 300 orang.</li> <li>iv) Seramai 300 orang penternak lembu tenusu dibangunkan ke arah semi komersial dan komersial dengan agihan induk 6,750 ekor.</li> </ul> <p><i>OUTCOME:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Peningkatan jumlah induk tenusu negara daripada 14,600 ekor kepada 35,400 ekor melalui insentif EPP13 dan faktor berganda secara peningkatan keupayaan penambahan induk penternak sendiri.</li> <li>ii) Peningkatan pengeluaran susu di dalam kluster EPP13 daripada 18.1 juta liter kepada 107 juta liter pada tahun 2020.</li> <li>iii) Peningkatan peratus penternak tenusu di dalam kluster EPP13 mencapai pendapatan melebihi RM4,000 sebulan daripada 60% kepada 80%.</li> <li>iv) EEP 13 Ternakan Lembu Tenusu: 4 syarikat menyertai Syarikat ADMC Dairy Farm Sdn Bhd , Evergreen livestock, Allied Dairy And Bhd dan Dutch Lady Sdn Bhd.</li> </ul>

## Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

AKTIVITI JABATAN SEPANJANG 2017			
BIL	TARIKH	UKURAN	TEMPAT
<b>MEI</b>			
1.	08.05.2017	Majlis Penyerahan Sijil Pengiktirafan Halal	Kompleks Abatoir Kuala Terengganu
<b>JUN</b>			
1	09.06.2017	Majlis Ramah Mesra DVS - Bubur Lambuk	Dewan MOA
2	09.06.2017	Sidang Media H1N1	Dewan MOA
3	18.06.2017	Majlis Ramah Mesra & Berbuka Puasa Bersama Petugas-Petugas Sekatan Jalan Raya Bukit Yong	Bukit Yong, Kelantan
4	18.06.2017	Sidang Media Penamatan Operasi Sekatan Jalan Raya	Bukit Yong, Kelantan
<b>JULAI</b>			
5	18.07.2017	Majlis Pelancaran Tarikh Kkuatkuasa Akta Kebajikan Haiwan	Dewan MOA
6	18.07.2017	Hari Bertemu Pelanggan	Dewan MOA
7	18.07.2017	Sidang Media Pelancaran Tarikh Kkuatkuasa Akta Kebajikan Haiwan	Dewan MOA
<b>OGOS</b>			
8	02 - 04.08.2017	Bilateral DVS - AVA Dalam Kerjasama Pertanian Malaysia-Singapore	Hatten Hotel, Melaka
9	12.08.2017	Lawatan KPPV Ke Pusat Vaksinasi Rabies	Bau, Sarawak
	12.08.2017	Program <i>Touch Point Feel Good Factor</i> Parlimen P192 Mas Gading, Bau, Sarawak	Bau, Sarawak
10	18.08.2017	Lawatan Timbalan Menteri Pertanian & Industri Asas Tani Ke Rumah Penyembelihan Swasta	Kg. Sungai Putat, Melaka
11	22.08.2017	Sidang Media Bekalan Harga Daging & Ayam Sempena Aidil Adha	Tingkat 7, Menara MOA
<b>SEPTEMBER</b>			
12	12-13.09.2017	Hari Inovasi	ITU, Melaka
13	18.09.2017	Majlis 100 Hari Ketua Pengarah DVS	Dewan MOA
14	18.09.2017	Seminar Pengimportan Daging	Dewan MOA
15	18.09.2017	Hari Bertemu Pelanggan	Dewan MOA
16	18.09.2017	Hari Rabies Sedunia	Dewan MOA
18	28.08 - 02.11.2017	HPPNK 2017	MAEPS Serdang
19	29.09.2017	Sidang Media DVS Di Livestock Malaysia	MAEPS Serdang
20	29.09.2017	Sidang Media Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2017	MAEPS Serdang
<b>OKTOBER</b>			
21	06.09.2017	Majlis Perjumpaan KPPV Bersama PNP Dan TN50	Glennmarie Shah Alam
22	10.09.2017	Ekspo Agro Johor Berkemajuan	Nusajaya
23	12 - 14.10.2017	Gelombang Nelayan Nasional	Kuala Kerteh, Terengganu
24	29.10 - 02.11.2017	Konvensyen Pengembangan Veterinar Dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Se-Malaysia 2017	Hotel Permai, Terengganu

## NOVEMBER

25	18 - 27.11.2017	<i>The 30th Conference of The Regional Commission For Asia, The Far East of Oceania</i>	Pullman Putrajaya
----	-----------------	---	-------------------

## DISEMBER

27	15.12.2017	Ikrar Bebas Rasuah (IBR) DVS & Perhimpunan Bulanan	Dewan MOA
----	------------	--	-----------

## WAWANCARA SEPANJANG 2017

BIL	TAJUK	AGENSI	TARIKH	TEMPAT
1	Pelancaran Akta Kebajikan Haiwan 2015	AL HIJRAH - Assalamualaikum	12.07.2017	
2	Pelancaran Akta Kebajikan Haiwan 2015	TV 1 - Selamat Pagi Malaysia	13.07.2017	
3	Pelancaran Akta Kebajikan Haiwan 2015	Radio Malaysia FM	13.07.2017	Wisma Radio, Angkasapuri
4	Pelancaran Akta Kebajikan Haiwan 2015	BNC	17.07.2017	Wisma BNC
5	Korban Dan Bekalan Daging	BNC	21.07.2017	Wisma BNC
6	Bekalan Daging Sempena Aidiladha	Nasional FM	21.07.2017	Wisma Radio, Angkasapuri
7	Status Rabies	RTM 1	29.07.2017	Airport Klia
8	Kebersihan Dalam Penyembelihan	RTM - Selamat Pagi Malaysia	30.08.2017	Wisma TV, Angkasapuri
9	Korban Dan Bekalan Daging	Nasional FM	24.08.2017	Wisma Radio, Angkasapuri
10	Tip Kesihatan Kepada Pengembara - Penyakit Zoonotik - Rabies	My Suara	28.08.2017	My Suara FM, JKR 2592/19, Jalan Negeri Sembilan, Bukit Persekutuan, 50480 Kuala Lumpur

## MEDIA SOSIAL DVS 2017



jabatanperkhidmatanveterinar

## FOLLOWERS



## POSTING



@DVSMalaysia

## FOLLOWERS



## POSTING



dvsmaalaysia\_official

## FOLLOWERS



## POSTING



**ADUAN**

BIL	BULAN	ADUAN EMEL	ADUAN WHATSAPP KEBAJIKAN HAIWAN	SISTEM ADUAN DAN MAKLUMBALAS (FMS)	SISTEM ADUAN DAN MAKLUMBALAS ISISPAA (BPA)	JUMLAH
1	Januari	1		9	1	11
2	Februari	3		10	3	16
3	Mac	4		13	4	21
4	April	9		24	1	34
5	Mei	8		21	1	30
6	Jun	11		10	2	23
7	Julai	57	3	8	2	70
8	Ogos	42	6	12	8	68
9	September	49	16	11	4	80
10	Oktober	44	11	10	5	70
11	November	46	5	0	0	51
12	Disember	23	0	0	0	23
JUMLAH			41	128	31	461

**Antarabangsa**



**PENGANJURAN KURSUS/BENGGEL DAN SEMINAR**

***THE 30TH CONFERENCE OF THE OIE REGIONAL COMMISSION FOR ASIA, THE FAR EAST AND OCEANIA***

*The 30th Conference of the OIE Regional Commission for Asia, the Far East and Oceania* telah diadakan di Putrajaya pada 20-24 November 2017 dan telah dihadiri oleh 119 orang delegasi daripada 19 buah negara. Disamping untuk membincangkan kemajuan pelaksanaan Pelan Strategik ke-6 OIE 2016-2020, persidangan ini turut membincangkan pelbagai isu lain termasuk kesihatan haiwan, kebajikan haiwan, pengeluaran haiwan dan keselamatan makanan.



Sekitar majlis persidangan *The 30th Conference of the OIE Regional Commission for Asia, The Far East and Oceania* pada 20-24 November 2017





Persidangan ini turut membincangkan pelbagai isu lain termasuk kesihatan haiwan, kebajikan haiwan, pengeluaran haiwan dan keselamatan makanan



## Teknologi Maklumat



### FUNGSI:

Merancang, merangka dan melaksana dasar ICT yang lengkap dan berkesan.

- ▶ Mengurus dan melaksanakan projek ICT Jabatan.
- ▶ Menyediakan dan memastikan sistem rangkaian dan keselamatan ICT dalam keadaan stabil, lancar dan selamat sepanjang masa.
- ▶ Menyediakan bantuan khidmat sokongan teknikal ICT.
- ▶ Mengurus proses pelupusan peralatan ICT di ibu pejabat dan cawangan.
- ▶ Merancang dan mengkaji perkembangan teknologi ICT ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan ICT dari masa ke semasa.
- ▶ Mengurus dan mentadbir pusat data Jabatan.



### PENCAPAIAN SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA

NO. KPI	KETERANGAN KPI	UKURAN	SASARAN TAHUN 2017	PENCAPAIAN TAHUN 2017	ULASAN
i.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT DVS (JPICT)	Urusetia mesyuarat JPICT DVS	4 kali mesyuarat	4 kali mesyuarat – 100%	<p>Mesyuarat JPICT DVS telah diadakan pada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 16 Januari 2017</li> <li>ii. 29 Mac 2017</li> <li>iii. 11 Julai 2017</li> <li>iv. 19 Oktober 2017</li> </ul> <p>18 kelulusan kertas permohonan perolehan ICT telah diluluskan yang bernilai RM4,108,412.22</p>



ii.	Program kesedaran ICT DVS	Taklimat serta penilaian Dasar Keselamatan ICT (DKICT) telah diberikan kepada pegawai yang terlibat.	4 Program dilaksanakan	4 kali taklimat dilaksanakan –100%	Taklimat DKICT di DVS Labuan pada 24 Januari
iii.	Sokongan teknikal aduan <i>Helpdesk</i>	Aduan diselesaikan	90% aduan diselesaikan	100% aduan diselesaikan -2847 aduan	Semua aduan / permohonan / hebahan telah diselesaikan

PERINCIAN ADUAN / PERMOHONAN / HEBAHAN

Bil	Perkara	Bilangan Aduan / Permohonan / Hebahan
1	Permohonan pendaftaran emel	1733 permohonan
2	Permohonan penutupan emel	30 permohonan
3	Hebahan melalui <i>Helpdesk</i>	400 hebahan
4	Permohonan bantuan e-mel	300 permohonan
5	Aduan rangkaian 1 GovNet	15 aduan
6	Aduan komputer peribadi sewaan	31 aduan
7	Penyelenggaraan pencetak	27 permohonan
8	Aduan <i>internet</i>	142 aduan
9	Aduan berkaitan <i>virus</i>	70 aduan
10	Permohonan naik taraf komputer peribadi	10 permohonan
11	Aduan kerosakan melibatkan kos	37 aduan
12	Aduan eSPKB/MS Office / <i>Format PC</i>	52 aduan


iv.	Pensijilan <i>Information Security Management Sistem (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013</i>	Pensijilan dikekalkan	4 Program dilaksanakan	4 kali taklimat dilaksanakan – 100%	Taklimat DKICT di DVS Labuan pada 24 Januari
v.	Menyelaras perkakasan ICT di Pusat Data DVS.	Prestasi capaian dan perolehan perkakasan Pusat Data	95 prestasi capaian dan 1 perolehan perkakasan Pusat Data dilaksanakan	100% prestasi capaian server dan 1 perolehan <i>firewall</i> telah dilaksanakan	Semua server beroperasi tanpa gangguan. Perolehan dan pemasangan <i>firewall</i> bagi 25 lokasi <i>Wireless Access Point</i> DVS telah selesai dilaksanakan
vi.	Menyelaras pembangunan / penyelenggaraan sistem aplikasi DVS	Prestasi capaian dan pembangunan sistem	95% prestasi capaian dan 1 Projek naik taraf sistem ePermit2 beserta aplikasi dilaksanakan	100% prestasi capaian dan 1 Projek naik taraf sistem ePermit2 beserta aplikasi telah siap dilaksanakan	Semua sistem aplikasi DVS boleh dicapai. Naik taraf sistem ePermit2 telah siap dilaksanakan.

# Pengurusan Biosekuriti dan SPS



## Epidemiologi dan Survelan

### FUNGSI:



### PENCAPAIAN SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA

NO. KPI	KETERANGAN KPI	UKURAN	SASARAN TAHUN 2017	PENCAPAIAN TAHUN 2017	ULASAN
i.	Penyiasatan penyakit dijalankan dalam tempoh 24 jam selepas maklumat diterima	Ekor	1,600	2,087	Melebihi sasaran dengan peratus pencapaian 130%
ii.	Program survelan penyakit dijalankan pada tahun semasa i. AI ii. ND iii. SALM iv. FMD v. Brucella abortus vi. Brucella melitensis vii. Brucella suis viii. TB xi. Q-Fever xii. EIV xiii. AHS xiv. Rabies xv. Nipah xvi. BSE xvii. Johne's	%	85 %	100 %	Program survelan telah dijalankan ke atas 15 jenis penyakit seperti berikut : i. AI ii. ND iii. SALM iv. FMD v. Brucella abortus vi. Brucella melitensis vii. Brucella suis viii. TB xi. Q-Fever xii. EIV xiii. AHS xiv. Rabies xv. Nipah xvi. BSE xvii. Johne's
iii.	Menganalisa data untuk tiga jenis penyakit daripada ADIC	%	100 %	100 %	Kesemua data bagi 15 penyakit di dalam program survelan telah dianalisa.

Menjalankan surveilans penyakit haiwan dan zoonotik serta surveilans kerintangan antibiotik (AMR)



## KURSUS / BENGKEL / SEMINAR

### 1. KURSUS *EPIDEMIOLOGICAL MODELLING FOR ANIMAL DISEASE*

Kursus *Epidemiological Modelling for Animal Disease* telah diadakan pada 2 hingga 5 Oktober 2017 di Leo Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Kursus ini telah dibimbing oleh 3 orang penceramah dari Australia dan dihadiri oleh 30 orang pegawai veterinar dari ibu pejabat, negeri-negeri, makmal dan institut veterinar. Kursus ini memberi latihan asas kepada pegawai veterinar untuk membuat ramalan kejadian penyakit daripada data surveilan dan kejadian wabak penyakit sedia ada.

### 2. BENGKEL SIMULASI *"TABLE TOP"* PENGURUSAN BENCANA BANJIR

Bengkel Simulasi *"Table Top"* Pengurusan Bencana (Banjir) ini telah diadakan pada 11-13 September 2017 di Darul Iman Training Centre, Kemaman, Terengganu dan dihadiri oleh 3 orang peserta dari pelbagai agensi termasuk dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri-negeri, Jabatan Meteorologi, IPD Kuala Terengganu, Pejabat Kesihatan Daerah Kemaman dan Jabatan Bomba Kemaman. Bengkel simulasi ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menguruskan bencana terutama bencana banjir, berkomunikasi dan bekerja secara berkumpulan (*teamwork*) di dalam pengurusan bencana, membuat keputusan dan mengenalpasti tahap kritikal bencana dan menguruskan tenaga kerja, aset dan pemindahan ternakan semasa bencana.

### 3. LATIHAN *RAT (RAPID ACTION TEAM) BASIC*

Latihan *RAT Basic* sesi ke-2 telah diadakan di Institut Pengurusan Veterinar, Cheras pada 1-4 Ogos 2017. Seramai 7 orang penceramah dalam dan luar Jabatan telah dijemput dan seramai 27 orang peserta telah terlibat dalam latihan ini. Latihan *RAT Basic* ini telah meningkatkan pemahaman para peserta di dalam menangani krisis penyakit serta telah meningkatkan keupayaan pasukan untuk berkomunikasi dan bekerja secara berkumpulan, membuat penyiasatan dan kawalan penyakit, serta menganalisa situasi wabak di kawasan terjangkit. Pemahaman dari latihan ini akan digunakan seterusnya di dalam Latihan *RAT Intermediate* dan *Advance*.

### 4. BENGKEL PENYEDIAAN SOP PENGURUSAN BENCANA

Bengkel penyediaan SOP Pengurusan Bencana telah diadakan di Putrajaya pada 20-21 Disember 2017 dan dihadiri oleh setiap wakil dari DVS Negeri. Tiga topik utama yang dibincangkan merangkumi Pengurusan

Sebelum Banjir, Pengurusan Semasa Banjir termasuk operasi menyelamatkan haiwan dan Pengurusan Selepas Banjir. Pengurusan tenaga kerja, aset dan kaedah pemindahan ternakan semasa bencana telah diperjelaskan termasuk carta aliran dan bidang tugas agensi terlibat. Aspek kebijakan haiwan dan kakitangan yang terlibat dengan banjir turut dibincangkan dalam bengkel ini.

### 5. *ANTIMICROBIAL SURVEILLANCE SEMINAR & WORKSHOP*

Program seminar dan bengkel AMR ini telah diadakan pada 6 – 9 Mac 2017 bertempat di Pullman Lakeside Hotel, Putrajaya. Program ini adalah dengan kerjasama diantara MyOHUN, DVS dan MOH. Seminar berkaitan dengan surveilan AMR telah diadakan pada 6 Mac dan bersambung dengan bengkel pada 7 – 9 Mac. Objektif seminar dan bengkel adalah untuk mengukuhkan dan menyelaraskan program surveilan AMR pada manusia, haiwan dan makanan berasaskan haiwan selain daripada untuk membangunkan *integrated manual* bagi program surveilan AMR dalam sektor manusia, haiwan dan juga makanan berasaskan haiwan. Secara keseluruhannya, seminar dan bengkel yang diadakan selama 4 hari tersebut telah memberikan pendedahan yang meluas berkenaan dengan status AMR semasa Negara, peranan dan fungsi setiap sektor yang berkaitan dan juga sebagai langkah awal dalam melaksanakan surveilan dan aktiviti berkaitan AMR bagi setiap sektor terlibat.

### 6. LATIHAN PROGRAM WHONET

Program WHONET adalah merupakan *software* bagi analisis data surveilan AMR. Program ini telah ditetapkan oleh Jabatan dan diselaraskan dengan MOH untuk digunapakai dalam pengisian dan analisis data ujian AMR di semua makmal. Justeru, semua pegawai makmal dan pegawai teknikal DVS yang terlibat dalam pengujian, pengisian dan analisis data AMR adalah diwajibkan untuk mengikuti latihan bagi penggunaan program WHONET. Di peringkat Jabatan, latihan program WHONET telah dirancang untuk diadakan sebanyak 3 kali setiap tahun.

Bagi tahun 2017, program latihan WHONET yang dianjurkan oleh Seksyen EpiS telah diadakan sebanyak 2 kali. Bagi sesi latihan pada 22 Februari 2017, telah dihadiri oleh 13 orang pegawai teknikal dari Makmal Veterinar Kawasan (MVK) dan Makmal Kesihatan Awam Veterinar (MKAV) dan juga Makmal Diagnosa Veterinar (MDV) Sarawak. Fasilitator bagi latihan ini adalah Dr. Shahaza binti Othman dari MVK Bukit Tengah. Bagi sesi latihan kedua yang diadakan pada 26 Mei 2017, telah dihadiri oleh 15 orang pegawai teknikal dari MVK, MKAV, MDV Sabah dan Sarawak dan juga pegawai dari

IPPV Putrajaya yang akan menjalankan analisis data AMR. Tenaga pengajar bagi latihan ini adalah En. Mohd Zainuldin bin Taib, pakar program WHONET dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

## 7. BENGKEL *MANUAL INTEGRATED AMR* SURVELAN

Bengkel *Manual Integrated AMR* Survelan adalah kesinambungan dari bengkel yang diadakan pada Mac 2017. Bengkel ini telah diadakan pada 31 Julai dan 1 Ogos 2017 bertempat di Fakulti Perubatan Veterinar, UPM. Kehadiran peserta adalah lebih kurang 40 orang yang terdiri dari pegawai teknikal DVS, DOF, MOH dan UPM. Kebanyakan peserta yang hadir adalah peserta yang sama terlibat dalam bengkel terdahulu. Objektif bengkel adalah untuk memperincikan dan melengkapkan isu kandungan manual dan program survelan yang dirancang. Sesi perbincangan dalam bengkel tersebut diselenggarakan bersama penceramah dan fasilitator jemputan, Dr. Amanda Beaudoin dari University of Minnesota, Amerika Syarikat. Secara keseluruhannya, hasil dari perbincangan bengkel selama 2 hari tersebut, telah dapat melengkapkan maklumat yang diperlukan dalam manual tersebut.

## 8. BENGKEL SEMAKAN MANUAL SURVELAN *ANTIMICROBIAL RESISTANT (AMR)* DAN *ANTIMICROBIAL USAGE (AMU)* DALAM HAIWAN

Bengkel semakan manual survelan AMR dan AMU ini adalah juga kesinambungan dari bengkel terdahulu yang dianjurkan bersama dengan MOH dan MyOHUN. Bengkel ini telah diadakan pada 18 dan 19 Disember 2017 bertempat di Institut Pengurusan Veterinar (IPV), Cheras. Objektif bengkel anjuran Seksyen EpiS pada kali ini adalah lebih fokus untuk membincangkan berkenaan dengan pelan program survelan yang telah dirangka dan menyelaraskan metodologi ujian makmal yang dijalankan di semua makmal bagi ujian pengasingan bakteria dan ujian sensitiviti AMR. Peserta bengkel adalah melibatkan pegawai Jabatan sahaja, iaitu seramai 17 orang yang terdiri dari pegawai teknikal dari MVK, MKAV dan juga IPPV Putrajaya. Pegawai teknikal ini adalah sebahagian pegawai yang terlibat secara langsung dengan program AMR.

## 9. SEMINAR PROFESIONAL BULANAN

Pada tahun 2017, tiga seminar professional bulanan telah dianjurkan.

# SEMINAR 2017

### SEMINAR 1

TARIKH : 24 FEBRUARI 2017

- i. Veterinar Hidupan Liar Mendepani Cabaran (Dr. Donny Yawah)
- ii. *The effect of pre-slaughter stunning on carcass and meat quality and stress related hormones in broiler chickens* (Dr. Zuledham Wagiman)

Peserta: 41 Orang

### SEMINAR 2

28 APRIL 2017

- i. *FMD: What we need to know* (Dr Nor Fai'zah haji Abdul Hamid)
- ii. *Australian's emergency animal disease respond arrangements* (Dr. Enrico Perotti)

Peserta: 42 Orang

### SEMINAR 3

TARIKH : 28 JULAI 2017

- i. *Overview of trade (step by step to develop import measures dan OIE official recognition vs self-declaration* (Dr. Norhaliza Abdul Halim)
- ii. *Standardized and harmonized surveillance method for antimicrobial resistance in food animal in Southeast Asia* (Dr. Norashikin Abu, Dr. Mariani Hashim)

Peserta: 37 Orang



Menguruskan Pusat Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan dan Zoonotik serta Bencana



NEGARAKU

# SIDANG MEDIA

Oleh

## KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA



## Kejadian Wabak Penyakit Tahun 2017


### WABAK PENYAKIT HPAI

Wabak penyakit HPAI telah dikesan di Kampung Pulau Tebu, Kota Bharu, Kelantan pada 28 Februari 2017 susulan daripada aduan mengenai kematian yang tinggi 60% pada ayam kampung. Sehingga 27 Mac 2017, 6 jajahan telah didapati terjangkit yang melibatkan 36 indeks penyakit (kampung) iaitu Kota Bharu (15), Pasir Mas (6), Bachok (6), Tumpat (5), Pasir Puteh (3) dan Tanah Merah (1). Tindakan kawalan penyakit telah dilaksanakan serta-merta meliputi pemusnahan semua jenis unggas di kawasan terjangkit dengan pampasan, 1km radius zon kawalan di sekeliling premis terjangkit, 9km radius zon survelan di sekeliling zon kawalan, larangan pemindahan keluar dan masuk ke kawasan terjangkit, kempen kesedaran awam kepada pemilik unggas dan orang awam dan aktiviti disinfeksi untuk semua jenis kenderaan yang masuk dan keluar dari premis terjangkit. Sebanyak 56,961 unggas dan 17,531 telur unggas telah dimusnahkan dengan jumlah pampasan sebanyak RM413,004.60. Daripada aktiviti sekatan jalanraya, 30,334 buah kenderaan telah diperiksa dan 62 pemindahan unggas telah dirampas. Malaysia telah disahkan bebas dari penyakit HPAI oleh OIE pada 1 Julai 2017.



### WABAK PENYAKIT RABIES

Sejak kejadian penyakit rabies yang dikesan pada manusia 30 Jun 2017 di Sarawak, sebanyak 61 kes telah disahkan positif dari 298 sampel kepala anjing yang telah diuji oleh VRI (sehingga 31 Disember 2017). Jumlah ini melibatkan 27 buah kawasan kampung dari 4 buah Bahagian di Sarawak iaitu 21 di Serian, 4 di Kuching, 1 di Samarahan dan 1 di Sri Aman. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 49,283 ekor haiwan (38,921 anjing dan 10,362 kucing) telah diperiksa manakala 42,103 ekor (34,129 anjing dan 7,974 kucing) telah divaksin. Haiwan yang disyaki dijangkiti rabies telah dimusnahkan melibatkan 1,505 ekor anjing dan 50 ekor kucing. Manakala seramai 36,989 orang penduduk di kawasan yang terjangkit telah menghadiri kempen kesedaran penyakit rabies yang turut melibatkan kampung, sekolah, rumah panjang dan kawasan perumahan penduduk. Selain dari pegawai DVS Sarawak, program kawalan rabies ini turut melibatkan pegawai dari DVS Semenanjung dan JPHPT Sabah.



## Pemeriksaan Veterinar



### FUNGSI:

Merancang, menyelaraskan, mengurus dan menjalankan Pemeriksaan Veterinar

▶ Pemeriksaan loji dan rumah sembelih luar negara untuk keperluan bahan mentah dalam negara.

▶ Melaksanakan kawalan kualiti dan keselamatan ternakan dan produk berasaskan haiwan.

▶ Menjalankan pemeriksaan

Seksyen Pemeriksaan Veterinar (SPV) berperanan dalam menjalankan pemeriksaan ke atas loji/abatoir di dalam dan juga di luar negara serta melaksanakan pemeriksaan daging dan juga program kawalan terhadap keselamatan makanan.

Aktiviti pemeriksaan adalah bertujuan untuk memantau dan memastikan loji/abatoir mengamalkan Amalan Kebersihan yang Baik (*Good Hygienic Practices*), Amalan Pembuatan Baik (*Good Manufacturing Practices*) dan juga patuh kepada

syarat *Hazard Analysis Critical Control Point* dalam Sistem Kepastian Kualiti (*Quality Assurance System*) serta mengekal integriti jaminan biosekuriti.

Pengauditan abatoir dan loji pemprosesan luar negara adalah bagi memastikan produk hasil haiwan yang diimport daripada luar negara memenuhi keperluan piawaian negara dan keselamatan makanan. Pengauditan ini menjadi syarat utama menentukan sama ada sesuatu produk daripada negara luar mendapat kelulusan untuk tujuan pengimportan.

Pemeriksaan daging di abatoir dan loji pemerosesan unggas adalah untuk memastikan daging yang dikeluarkan adalah

selamat untuk pengguna. Prosedur pemeriksaan daging ini melibatkan aktiviti *ante-mortem* dan *post-mortem* pada sebelum dan selepas sembelihan.

Program Pemantauan Keselamatan Makanan turut dilaksanakan secara berjadual melalui Program Persampelan Kebangsaan dan ianya meliputi pengawasan serta kawalselia sebatian kimia dan mikroorganisma. Program ini melibatkan semua abatoir, loji pemerosesan dan juga ladang di bawah skim persijilan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia.

### PENCAPAIAN SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA

NO. KPI	KETERANGAN KPI	UKURAN	SASARAN TAHUN 2017	PENCAPAIAN TAHUN 2017	ULASAN
i.	Pemeriksaan loji/abatoir dalam negara	Jumlah pemeriksaan yang dilakukan mengikut penetapan tahunan berdasarkan analisa risiko yang dibuat.	803	725	
ii.	Pemeriksaan Import (AP) / Eksport (SKV)	Berdasarkan permohonan yang diterima dari pihak SKIE		51	Kesemua pemeriksaan telah dijalankan mengikut jumlah permohonan yang diterima daripada pihak SKIE
iii.	Bilangan audit Ladang MyGAP	Jumlah pemeriksaan berdasarkan pensijilan yang dikeluarkan dari pihak BDKK	415	376	10% daripada sasaran pemeriksaan ladang tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat kekangan seperti : a) Penutupan ladang b) Pertengahan 2017 berlaku wabak HPAI di timur negara menyebabkan ladang menghadkan kemasukan pelawat
iv.	Pemeriksaan loji/abatoir luar negara	Berdasarkan permohonan yang diterima dari pihak SKIE	50	75	
v.	Bilangan pemeriksaan daging	Jumlah penerimaan ternakan	2000,000,000	254,028,617	
vi.	Bilangan persampelan produk untuk pemantauan KAV	Merujuk kepada jumlah sampel di dalam Manual Pensampelan Kebangsaan melibatkan abatoir, loji pemerosesan dan juga ladang di bawah skim persijilan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia	4888	3767	

## Pemeriksaan Kuarantin dan Import Eksport



### FUNGSI:

Pengurusan Perkhidmatan import dan eksport haiwan hidup dan produk haiwan

➤ Pengurusan Penilaian Import Analisa Risiko untuk haiwan hidup dan produk haiwan

➤ Pengurusan Perkhidmatan Kaunter Import dan Eksport Haiwan hidup dan Produk Haiwan

➤ Pengurusan kewangan seksyen

### PENCAPAIAN SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA

NO. KPI	KETERANGAN KPI	UKURAN	SASARAN TAHUN 2017	PENCAPAIAN TAHUN 2017	ULASAN
i.	Melaksanakan mesyuarat JKAR dengan memastikan korum mencukupi supaya mesyuarat berkesan	Bilangan mesyuarat yang diadakan setahun	4	4	-
ii.	Mendaftar semula pengeluar luar negara yang mengesport produk haiwan contoh: i) Susu tepung (negara bebas FMD) ii) <i>Animal feed</i>	Bilangan establishment lulus eksport ke Malaysia	300	Susu tepung: 788  <i>Animal feed:</i> 108	-
iii.	Mendaftar semula pengesport luar negara yang mengesport haiwan hidup dan bahan haiwan ( <i>embryo &amp; semen</i> )	Bilangan loji pemrosesan lulus eksport ke Malaysia	20	24	-
iv.	Penyediaan draf pertama protokol import baru selepas mitigasi dipersetujui dan diluluskan dalam JKAR.	Bilangan permohonan	21 Hari	21 hari	-
v.	Protokol import yang dikemaskini	Bilangan protokol import yang dikemaskini	15	22	-
vi.	Memproses permohonan dan menyediakan kertas pertimbangan kuantum pengimportan (JKIEHP-MOA):  i) Ternakan hidup: Lembu, kambing, berbiri, kerbau ii) Daging: Lembu, kambing, berbiri, kerbau, babi, <i>suckling pig</i> , keratan ayam dan ayam bulat. iii) Susu cair: <i>Pasteurized</i> , UHT, berperisa	Bilangan permohonan	450	a)122 b) 333	-

viii.	Memproses dan mengeluarkan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) untuk tujuan eskport melalui sistem Epermit 1 dalam tempoh 3 hari waktu bekerja	Bilangan permohonan SKV di buat secara harian melalui sistem.	90,000	72,468	Tempoh Januari sehingga Disember 2017  Permohonan SKV bergantung kepada permohonan semasa dari pengesport dan keperluan dari negara pengimport.
ix.	Memproses dan mengeluarkan <i>Free Sale Certificate (FSC) animal feed</i> untuk tujuan eskport	Bilangan permohonan	100	140	-
x.	Memproses sticker EBN untuk tujuan eskport ke China dalam tempoh 3 hari waktu bekerja.	Bilangan permohonan	10,000	480,000	-
xi.	<i>Focal point</i> bagi tujuan eskport (pendaftaran pengesport yang diluluskan): i) unggas dan telur ( <i>table eggs</i> ) ke Singapura  ii) produk ayam dan itik	Bilangan permohonan	a)214  b) 22	213  22	
xii.	Menyediakan laporan bulanan data import/eksport	Bilangan permohonan	20	21	-
xiii.	Menyediakan laporan bulanan data import/eksport		12	12	-
xiv.	Mengkemaskini dan mengurus data epermit 1.	Pemantauan sistem sepanjang masa	12	12	12
xv.	Menghantar maklumat SPS dan industri ternakan ke negara yang berpotensi untuk eskport ( <i>percubaan market access</i> )	Permohonan di buat secara pro-aktif	2		SQIE berusaha untuk mencari pasaran baharu setiap tahun bagi mengalakkan pengesportan produk haiwan dari Malaysia.  i) Eksport produk ruminan ke Saudi Arabia (SFDA)  ii) Eksport makanan haiwan ke Brunei.  iii) Export <i>frozen/fresh chicken meat to Papua New Guinea</i> .  iv) <i>Reaccess to Japan – export poultry product/value added to Japan after HPAI Outbreak</i> .  v) <i>Export susu ke Jepun</i> .  vi) <i>Export feather meal ke Thailand</i> .  vii) <i>Export Frozen/process duck to Singapore</i> .  viii) <i>Export beef value added product to Vietnam</i> .



